

06 OCT 1997

Mahathir-Media

SAYA TIDAK AKAN LETAK JAWATAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak akan meletak jawatan sebagai Perdana Menteri ketika ada cubaan oleh beberapa media asing dan pengurus dana luar negara untuk "menyingkir" beliau.

"Memang ada usaha oleh media asing dan pengurus dana asing tertentu untuk menyingkirkan saya," kata beliau kepada pemberita sekembalinya dari lawatan rasmi 12 hari ke Cuba dan Amerika Selatan.

Dr Mahathir ditanya mengenai laporan media asing bahawa beliau sepatutnya berundur ekoran kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham tempatan.

Lebih 1,000 orang kebanyakannya penyokong Barisan Nasional berada di luar bilik Bunga Raya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk menyambut kepulangan beliau.

Ada di antara mereka membawa sepanduk dengan tulisan "Teruskan Perjuangan Mu" dan "Kami Berdiri Teguh Di Belakangmu Mahathir" sambil melaungkan "Hidup Mahathir".

Dr Mahathir berkata media asing dikuasai oleh mereka yang mempunyai kepentingan tertentu bagi memenuhi agenda mereka.

Katanya mereka tidak akan menerbitkan apa-apa saja yang bercanggah dengan kepentingan mereka.

"Like my speeches for example (macam ucapan saya umpamanya), they publish (mereka terbitkan) yang mana mereka suka tetapi takut orang lain influence (pengaruhi) tak publish...malahan, mereka tak siarkan gambar saya di TV.

"Inilah perbuatan licik mereka...mereka ada agenda sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata khabar angin mengenai peletakan jawatannya sengaja diada-adakan dan beliau yakin khabar angin seperti itu akan berterusan kerana itulah matlamat mereka yang terlibat dalam urusan niaga mata wang.

"Mereka mahu menyingkirkan orang ini yang mengkritik mereka dan yang mengemukakan cadangan-cadangan yang mulai diterima oleh sesetengah pihak seperti IMF dan Bank Dunia," katanya.

Pada mesyuarat Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di Hong Kong baru-baru ini, Dr Mahathir mengesyorkan agar spekulasi mata wang diharamkan dan urusan niaga mata wang dikhususkan kepada pembiayaan perdagangan.

Beliau menyifatkan urusan niaga mata wang sebagai "tidak perlu, tidak produktif dan sama sekali tidak bermoral" kerana ia membolehkan spekulator mata wang meraih keuntungan besar dengan menyebabkan negara-negara membangun seperti Malaysia menjadi miskin.

Dr Mahathir membuat cadangan itu ketika mata wang di beberapa negara di rantau ini merosot dan yang telah menyebabkan ringgit menjunam hampir 30 peratus berbanding dollar Amerika.

Perdana Menteri berkata beliau mengetahui mengenai peletakan jawatannya di Argentina, negara terakhir yang dikunjunginya selepas Uruguay, Chile dan Cuba dalam lawatannya itu.

Dr Mahathir telah menafikan beliau akan berundur selepas ditanya oleh media asing bahawa beliau dijadual membuat pengumuman pada 11 Okt mengenai peletakan jawatannya.

Beliau juga berkata terdapat usaha bersungguh-sungguh untuk memperlambatkan pertumbuhan rantau paling dinamis di dunia.

"Ia bukan saja berlaku di Malaysia. Ia bukan ditujukan kepada Malaysia

semata-mata.

"Tetapi apakah yang Indonesia lakukan terhadap mereka? Apakah Filipina, yang baru saja hendak maju, lakukan terhadap mereka? katanya.

"Berhubung dengan peletakan jawatan saya, usaha media asing ini adalah sia-sia kerana saya akan terus berjuang dengan sokongan semua rakyat Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau pasti media asing akan menuduhnya mempengaruhi rakyat Malaysia supaya menunjukkan sokongan mereka kepada usaha beliau untuk menentang manipulator mata wang.

Perdana Menteri berkata bahawa seperti juga rakyat yang datang menunjukkan sokongan mereka semasa kepulangannya hari ini, tokoh-tokoh korporat tempatan yang mengiringinya dalam lawatannya itu, juga telah berikrar untuk menyokong beliau menangani masalah mata wang dan pasaran saham itu.

Dr Mahathir berharap rakyat Malaysia tidak terpengaruh dengan taktik kotor media Barat.

Ketika ditanya mengenai laporan asing bahawa terdapat percanggahan pendapat antara beliau dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri berkata media asing telah berusaha mengeruhkan hubungannya dengan timbalannya itu, yang duduk di sisinya pada persidangan berita itu.

"Ada kata Anwar lembut, saya keras, saya tak tahu macam mana mereka tahu," katanya disambut dengan gelak ketawa.

Dr Mahathir berharap orang ramai tidak akan terbawa-bawa dengan alasan media asing kerana tujuan utama mereka ialah untuk menyekat sesiapa saja termasuk beliau daripada mengkritik mereka.

"Hakikatnya ialah sama ada kita ini sebuah negara merdeka dengan pemimpin yang dipilih secara demokratik yang membuat keputusan untuk negaranya, atau kita lepas tangan dan biarkan pihak luar yang kepetingannya semata-mata mencari keuntungan, untuk menentukan siapa yang harus menjadi pemimpin negara ini. Maksud saya, di sini ada pilihan.

"Jika kita mahu, okay, kita boleh singkirkan pemimpin ini kerana majalah ini kata pemimpin ini tidak bagus. Habislah demokrasi, lupakan demokrasi, kita bertindak berdasarkan kepada apa yang dikatakan oleh majalah ini," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata oleh kerana apa yang dibangkitkannya tidak digemari oleh pihak tertentu, mereka turunkan nilai mata wang.

"Tapi kalau saya tak cakappun, turun juga. Mula-mula saya tidak berkata apa-apa. Semasa ia mula berlaku, adakah saya berkata apa-apa? Saya tak kata apa-apa, saya di luar negara. Saya tidak menyebut apa-apa mengenai (peniaga mata wang dari Amerika, George) Soros tetapi ringgit jatuh.

"Singapura, Indonesia dan Filipina tidak berkata apa-apa tetapi kenapa pula mata wang mereka turut jatuh?" katanya. --BERNAMA

ES ARA MAI